

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 16 MEI 2023  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4

## Padu selaras data isi rumah rakyat Malaysia

### Padu selaras data isi rumah rakyat Malaysia

**PUTRAJAYA** – Kerajaan akan membangunkan sebuah Pangkalan Data Utama (Padu) bagi mengumpul seberapa banyak maklumat sosio ekonomi isi rumah sekali gus membantu kerajaan mengagihkan subsidi dan bantuan dengan lebih berkesan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Padu itu akan ditubuhkan segera dan menjadi penyelaras data antara agensi-agensi sedia ada termasuk Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Beliau berkata, jika mahu bercakap mengenai soal ekonomi digital dan hala tuju negara pada masa depan, maka kerajaan perlu mempunyai data yang lengkap.

"Hari ini kita buat keputusan agak penting iaitu menyediakan dan menetapkan pembentukan Padu bagi memudahkan kerajaan menggubal dasar dan menyasarkan subsidi.

"Buat masa ini, ada jabatan-jabatan lain menyelenggara data secara berasingan justeru, Padu akan mengambil alih tugas-tugas ini supaya ada satu agensi dapat merumuskan semua data ini," katanya pada sidang akhbar selepas mem-

pengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini semalam.

Katanya, keperluan sistem data ini harus lebih menyeluruh dan lebih penting subsidi dan bantuan yang diperuntukkan kepada orang miskin tercapai.

Ujar Anwar, Padu akan mengumpul maklumat di peringkat isi rumah meliputi bilangan isi rumah, rekod pendapatan, tanggungan anak isi rumah mengikut peringkat pendidikan, lokasi isi rumah dan bilangan kenderaan isi rumah.

Menurutnya, ia juga merangkumi rekod bantuan yang telah diterima daripada jabatan kerajaan di dalam isi rumah dan maklumat-maklumat lain yang boleh membantu menentukan pendapatan boleh belanja setiap isi rumah.

"Kewujudan Padu akan membantu kerajaan memastikan sebarang program sasaran subsidi dapat dilaksanakan dengan lebih teratur untuk mengelakkan sebarang keciciran daripada kalangan penerima isi rumah yang layak.

"Versi Padu yang menggunakan data sebenar dijangka akan berfungsi sepenuhnya pada Januari 2024," katanya.